



**PENGUMUMAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN MQA  
DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI BAWAH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)**

1. Susulan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) oleh Kerajaan ditamatkan pada 16 Julai 2021, beberapa mukim di Negeri Selangor dan lokaliti tertentu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Dimaklumkan Yang Amat Berhormat (YAB) Timbalan Perdana Menteri dalam kenyataan medianya bertarikh 19 Julai 2021 telah berkongsi bahawa Kerajaan bersetuju melaksanakan perubahan ke atas Prosedur Operasi Standard (SOP) di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1 dan Fasa 2.
2. Sehubungan itu, bermula 26 Julai 2021, Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) akan beroperasi selaras dengan arahan Ketua Setiausaha Negara bertarikh 21 Julai 2021 berkaitan Pengoperasian Pejabat Kerajaan Mengikut Fasa PPN dan kenyataan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi bertarikh 22 Julai 2021 berkaitan Pengoperasian Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) serta pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).
3. Orang ramai termasuk pihak berkepentingan dimohon mengambil maklum berkaitan pelaksanaan urusan MQA seperti berikut:

Bil.	Urusan:	Pelaksanaan Urusan:
a.	Perkhidmatan Kaunter Permohonan dan Serahan Dokumen	Melalui serahan kaunter berdasarkan janji temu, melalui serahan <i>dropbox</i> di lobi MQA atau melalui penghantaran pos
b.	Hari Mesra Pelanggan (HMP)	Secara dalam talian
c.	Lawatan Penilaian Akreditasi	MQA Virtual Audit (MQAVA)
d.	Sijil Akreditasi / APEL	Salinan digital akan dihantar melalui e-mel dan penghantaran pos
e.	Latihan Jaminan Kualiti	Secara dalam talian
f.	Surat Nilai Taraf / Pengesahan Pengiktirafan	Salinan digital akan dihantar melalui e-mel dan penghantaran pos
g.	Pembayaran Perkhidmatan	<i>JomPay</i> atau Draf Bank (melalui pos)

4. Proses penilaian akreditasi akan dilaksanakan seperti biasa iaitu melalui kaedah dalam talian. Walau bagaimanapun, PPT yang ingin memohon penangguhan pelaksanaan MQAVA dalam tempoh PKP ini, boleh berhubung dengan pegawai yang berkenaan.
5. Selain perkhidmatan MQA yang dinyatakan di atas, segala urusan akan dilaksanakan melalui kaedah pos dan e-mel.
6. Takwim permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh Bagi Tahun 2021 adalah kekal sepertimana yang telah ditetapkan dalam portal MQA.
7. Urusan perbincangan dan perundingan berkaitan perkhidmatan MQA akan dilaksanakan **secara dalam talian** berdasarkan **penetapan janji temu** melalui saluran berikut: <https://www.picktime.com/AgensiKelayakanMalaysiaMQA>. Tarikh dan masa janji temu akan disahkan melalui e-mel kepada para pelanggan.

8. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut atau keperluan khidmat nasihat khusus, ia boleh disalurkan ke sistem atau e-mel berikut:

- Pertanyaan Umum : <https://www2.mqa.gov.my/sppa/>
- Pendaftaran Program : [unitpendaftaran@mqa.gov.my](mailto:unitpendaftaran@mqa.gov.my)
- Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) : [apeladmin@mqa.gov.my](mailto:apeladmin@mqa.gov.my)
- Nilai Taraf / Pengesahan Pengiktirafan : [esisraf@mqa.gov.my](mailto:esisraf@mqa.gov.my)
- Sijil Akreditasi : [unitsijil@mqa.gov.my](mailto:unitsijil@mqa.gov.my)
- Latihan Jaminan Kualiti : [upjk.mqatc@mqa.gov.my](mailto:upjk.mqatc@mqa.gov.my)

9. Pelaksanaan perkhidmatan MQA ini berkuat kuasa mulai 26 Julai 2021 dan tertakluk kepada situasi semasa dan pengumuman pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)  
24 JULAI 2021**